

29 NOV 2003

Mahathir-cukai/I

DR MAHATHIR CADANG ADAKAN CUKAI KORPORAT DUNIA UNTUK ATASI KEBULURAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) memperkenalkan cukai korporat dunia dalam usaha meringankan masalah kemiskinan dan menyelesaikan masalah kebuluran.

Beliau berkata PBB seharusnya menubuhkan satu agensi kutipan cukai sebagai sebahagian daripada sistem mereka dan mentadbir dana kutipan itu bagi tujuan membina infrastruktur yang diperlukan, khususnya dalam bidang pertanian di negara-negara miskin.

"Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Perdagangan Dunia harus meletakkan cukai ini dalam agenda mereka. Mengenakan cukai kepada yang kaya untuk membantu yang miskin sememangnya dikehendaki dari segi moral. Tapi cukai ini juga akan menjadikan yang kaya bertambah kaya. Jadi ia adalah cukai yang adil," katanya dalam ucap-tama Sesi ke-32 Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di Mc Dougall Memorial Lecture di Rome hari ini. Salinan ucapan beliau telah difaks ke Bernama.

"Kita sedang hidup dalam dunia yang sangat kaya dan mewah. Belum pernah dalam sejarah manusia kita lalui keadaan di mana kita miliki segalanya. Kita miliki sumber yang cukup untuk memberi makan, pakaian dan rumah kepada tiap seorang daripada lebih enam bilion manusia dalam dunia.

"Masalahnya kekayaan dan kemewahan ini tidak diagihkan sama rata. Ada tempat di mana makanan terlalu banyak sehingga penduduknya meninggal dunia akibat terlebih makan di samping masalah kegemukkan yang nyata," katanya.

Beliau berkata di sesetengah tempat pula, penduduknya tidak mempunyai cukup makanan untuk hidup, di mana sesetengahnya akan meninggal dunia akibat kelaparan.

"Kita telah menjadi semakin lali dengan penderitaan orang lain. Padahal kita dengan lebih berbilion wang dan bekalan makanan yang berlebihan boleh menghapuskan bencana ini sepenuhnya," kata Dr Mahathir.

Sebaliknya yang kaya lebih mementingkan usaha membuat lebih banyak wang dengan berusaha membuka luas pintu masuk ke negara-negara miskin supaya ia dapat dieksploitasi sepenuhnya," katanya.

"Singapura, Doha, Cancun adalah mengenai usaha mengkayakan negara yang sudah kaya, dengan hanya sedikit kemungkinan ia (kekayaan) akan melimpah kepada yang miskin. Tidak ada langsung dalam agenda mereka secara khusus, mengenai usaha untuk meringankan masalah kemiskinan," katanya.

Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya negara-negara anggota WTO yang miskin mengambil pendirian teguh mendesak supaya cukai korporat global menjadi sebahagian daripada syarat untuk membuka pasaran mereka.

Beliau berkata di kebanyakan negara, kalangan yang kaya serta para peniaga terpaksa membayar cukai pendapatan dan cukai korporat kerana mereka memperolehi kekayaan daripada yang miskin.

Dr Mahathir berkata satu daripada cara bagaimana cukai korporat boleh dikutip adalah melalui Pelaburan Terus dari Luar (FDI) sebagaimana yang dilaksanakan oleh Malaysia, di mana tujuan utamanya adalah untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada orang ramai.

Beliau berkata industri dari negara luar telah melaksanakan tugas yang cemerlang hinggalah Malaysia kini mengalami tahap pekerjaan penuh dan terpaksa menerima pekerja asing.

"Jika pengalaman Malaysia boleh dijadikan contoh, kita boleh andaikan bahawa satu dunia yang makmur boleh menjadi pasaran yang baik kepada

negara-negara kaya," katanya.

Dr Mahathir berkata cukai dan bayaran FDI harus dianggap sebagai pelaburan untuk masa depan, dan pelaburan untuk dunia yang lebih stabil serta pasaran yang lebih kaya.

"Saya bangkitkan perkara ini buat pertama kali semasa di Hainan, China di hadapan para peniaga, pegawai-pegawai dan intelek. Respon yang diterima hanyalah sunyi sepi," katanya.

-- BERNAMA

AT AZZ AZH